



SIARAN MEDIA

KPWKM MELANCARKAN KERANGKA STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN PENJAGAAN MALAYSIA 2026–2030

KUALA LUMPUR, 4 NOVEMBER 2025 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini melancarkan Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan Malaysia 2026–2030 (*Malaysia Care Strategic Framework and Action Plan 2026–2030*) sempena penganjuran *The New Frontiers in the Care Economy Conference (CARECON) 2025* yang berlangsung selama tiga hari, bermula 4 hingga 6 November 2025. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pelancaran Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan Malaysia 2026–2030 menandakan komitmen berterusan KPWKM dalam memperkukuh sektor penjagaan negara selari dengan Malaysia bakal menjadi Negara Tua pada tahun 2030.

Dokumen ini dibangunkan berasaskan pencapaian semasa industri penjagaan serta mengambil kira keperluan setempat, perubahan demografi dan sosial, serta tuntutan global seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Ia dirangka menggunakan pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* bagi memastikan pelaksanaan yang inklusif dan berimpak tinggi.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapan perasmianya berkata, sebagai Kementerian Peneraju Penjagaan Jangka Panjang dan Kementerian Kawal Selia Sektor Penjagaan di Malaysia, KPWKM memberi tumpuan kepada lima (5) Teras Strategik utama iaitu Perundangan dan tatakelola; Kompetensi dan laluan kerjaya; Meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap peranan penjagaan dalam masyarakat melalui advokasi; Memperkukuh kerjasama strategik; dan Melaksanakan penyelidikan, teknologi dan data.

KPWKM berkeyakinan penuh bahawa pelaksanaan Kerangka Strategik ini akan membentuk ekosistem industri penjagaan yang holistik, mampan, dan inklusif, sekaligus menjadikan Malaysia sebagai hab penjagaan terunggul di rantau ini.

Persidangan yang bertemakan “*Exploring Models of Sustainable, Inclusive, Responsive and Equitable Care for ASEAN and The Region*” ini menjadi platform penting untuk memperkukuh ekosistem ekonomi penjagaan di peringkat nasional dan serantau. Objektif utama penganjuran CARECON 2025 adalah untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab serantau dalam industri penjagaan dengan menggalakkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil, dan badan antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Persidangan ini dianjurkan dengan kerjasama Kerajaan Australia melalui *Department of Foreign Affairs and Trade (DFAT)* sebagai penaja utama bersama The Asia Foundation (Malaysia) dan pelbagai organisasi antarabangsa serta tempatan.

Turut hadir pada majlis ini ialah YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha, Yang Berbahagia Danielle Heinecke, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Encik Edward Vrkc, Wakil Residen, UNDP Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam, Encik Robert Gass, Wakil UNICEF ke Malaysia dan Wakil Khas ke Brunei Darussalam, Puan Christine Arab, Pengarah Serantau UN Women, Puan Cai Cai, Ketua Bahagian Kesamarataan Gender dan Inklusi Sosial, Divisyen Pembangunan Sosial ESCAP, Dr. Julitta Onabanjo, Wakil UNFPA untuk Malaysia dan Pengarah Negara bagi Kerajaan Thailand, Encik Miguel Musngi, Ketua Bahagian Pembasmian Kemiskinan dan Gender, Sekretariat ASEAN, pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi KPWKM.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
4 NOVEMBER 2025